

I-TASMI' TAHFIZ APPS: DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI**I-TASMI' TAHFIZ APPS: IN THE TEACHING AND LEARNING PROCESS AT UNIVERSITY**

Noorimah Misnan¹, Wan Anisabanum Salleh^{2*}, Suhaily Maizan Abdul Manaf³, Azarudin Awang⁴, Mohammad Taquiuddin bin Mohamad⁵

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia, noori444@uitm.edu.my

²Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia, wananisa@uitm.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia, suhailymaizan@uitm.edu.my

⁴Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia, azaru154@uitm.edu.my

⁵Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, m.taquiuddin@um.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Jun 2022

Selepas Pembetulan: 1 Ogos 2022

Diterima untuk terbit: 20 Ogos 2022

Abstrak

Fokus kajian ini ialah tentang kaedah i-Tasmi' Tahfiz yang telah diperkenalkan di UiTM Cawangan Terengganu. Ia adalah satu kaedah latih tubi bagi membantu pelajar-pelajar menghafal ayat-ayat al-Quran. Objektif kajian ialah menjelaskan persepsi pelajar terhadap penggunaan i-Tasmi' dan korelasi penggunaan i-Tasmi' Tahfiz terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) pelajar universiti. Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Kajian rintis telah dijalankan untuk menunjukkan keberkesanan i-Tasmi' Tahfiz di UiTM Terengganu. Responden kajian terdiri daripada pelajar yang terlibat dengan kelas pengajian tasmi' al-Quran di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun. Penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian disamping kaedah perpustakaan, temu bual dan pemerhatian. Jawapan yang diberikan oleh responden dianalisa dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 22. Data dianalisa dengan menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai min dan peratus. Kajian mendapati terdapat korelasi penggunaan i-Tasmi' dalam membantu kecemerlangan pelajar. Justeru, penyelidik

mencadangkan penggunaan sistem ini dikekalkan dan ditambah baik sebagai satu aplikasi dan inovasi yang dapat terus digunakan untuk merekod bacaan al-Quran para pelajar. Dengan perkembangan teknologi dan penggunaan telefon pintar yang amat luas, i-Tasmi' boleh diaplikasikan kepada para pelajar universiti dan sekaligus dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik dan ko-kurikulum mereka. Secara tidak langsung ini dapat membantu pencapaian untuk bergraduasi dalam masa yang ditetapkan (GOT).

Kata kunci

Model i-Tasmi', i-Tasmi' Apps, Tahfiz, pengajaran dan pembelajaran

Abstract

The focus of this study is about the i-Tasmi' Tahfiz method that was introduced at the UiTM Cawangan Terengganu. The i-Tasmi' method is aimed at aiding students in intensively memorizing the Quran. The objective of the study is to explain the students' perceptions of the i-Tasmi application and its correlation towards teaching and learning at the university. The researchers use both qualitative and quantitative approaches in the study. The respondents of the studies were students that were involved in tasmi' Al-Quran classes at UiTM Cawangan Terengganu, Dungun Campus. In this study, researchers used questionnaires as research instruments in addition to library research, interviews and observations. The respondents feedback and information were analyzed by the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 22. The data was analyzed by descriptive statistics in order to obtain a mean value and percentage. The study has found that there is a correlation between the usage of i-Tasmi and aiding student excellence. Therefore, researchers suggest that i-Tasmi' application is to continue in usage with some improvements and innovations in recording Al-Quran. With the technological advancement and wide usage of smartphones, i-Tasmi' could be widely applied among university students towards better academic and co-curricular achievements. Hence, the application of i-Tasmi' could also aid in achieving on-time graduation (GOT).

Keywords

i-Tasmi model, i-Tasmi' apps, tahfiz, teaching and learning

1. Pengenalan

"Tahfiz" bermaksud ingatan dan ia berasal daripada perkataan "hafaz". Dalam konteks menghafal ayat al-Quran, hafaz memberi maksud mengingat tanpa melihat kepada kitab al-Quran. Tasmi' adalah satu kaedah memperdengarkan bacaan baru kepada guru sehingga guru dapat mengesan dan memperbetulkan kesalahannya. Berdasarkan kamus Arab, tahfiz bermaksud menjaga sesuatu dan mengawalinya daripada hilang.

Di Malaysia, pendidikan tahfiz al-Quran berkembang melalui peranan institusi-institusi tahfiz. Pada tahun 2014, Kurikulum Bersepadu Tahfiz telah mula diperkenalkan di beberapa buah sekolah agama dengan penawaran pensijilan tahfiz Kementerian Pendidikan Malaysia di peringkat sekolah rendah dan menengah. Apabila pelajar menyambung pengajian di peringkat universiti, kaedah pendidikan tahfiz kurang diberi perhatian. Justeru, kaedah i-Tasmi' Tahfiz diperkenalkan sebagai satu kaedah latihan bagi pelajar-pelajar bagi menghafal ayat-ayat al-Quran. Hasil kajian terdahulu mendapati wujudnya hubungkait antara sahsiah pelajar dan kecemerlangan pelajar dalam akademik dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang digunakan dalam pengajian tahfiz. Mengambil kira keberkesanan PdP tasmi' tahfiz terhadap pelajar begitu tinggi, usaha-usaha perlu dilakukan agar kaedah sebegini diberi perhatian dan diaplikasi oleh pensyarah dan pelajar (Azmi dan Abd. Halim, 2014).

Pusat pengajian tahfiz pada hari ini tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan (Noor Hisyam dan Nasrun, 2017). Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) dan pengajian Ulul Albab yang telah diperkenalkan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) juga menawarkan program hafazan selain daripada subjek akademik. Pendidikan tahfiz di Malaysia memainkan peranan dan memberi sumbangan besar dalam pembentukan sahsiah pelajar. Kajian oleh Anis dan Sabri (2017) mendapati prestasi pencapaian akademik berkait rapat dengan amalam kerohanian pelajar. Ini bermakna, kesan hafazan dan program pendidikan tahfiz mempunyai hubungan dengan kecemerlangan akademik.

Seiring dengan Dasar Pendidikan Tahfiz bermatlamatkan untuk melahirkan 125,000 golongan huffaz profesional, UiTM menawarkan kepada pelajar lepasan sekolah tahfiz untuk menyambung pengajian dalam bidang profesional. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM, memperkenalkan program *Plus Tahfiz* bagi menghasilkan graduan huffaz profesional yang mempunyai watak Qurani melalui pendekatan laluan khas ke UiTM termasuk yang bukan berlatarbelakang sekolah agama, dan program pengekalan hafazan yang ditawarkan untuk semua aliran pengajian.

Kepesatan teknologi maklumat dan penggunaan aplikasi telah lama digunakan bagi memudahkan proses PdP. Banyak aplikasi dibangunkan bagi membantu proses PdP di peringkat sekolah dan universiti. Abdul Qadir dan Muhammad (2020) menyatakan bahawa aplikasi menggunakan telefon pintar membantu pelajar dalam proses mendengar dan menghafal al-Quran mengikut kepada jadual mereka sendiri. Kajian perlu dijalankan bagi membangunkan aplikasi menggunakan Android supaya dapat memberi manfaat kepada pelajar dan masyarakat awam keseluruhannya.

UiTM Cawangan Terengganu telah memperkenalkan program dikenali sebagai Tasmi' Tahfiz Al-Quran. Ini adalah satu medium untuk para pelajar membaca dan menghafal ayat-ayat al-Quran dengan pemantauan penasihat, yang merupakan ustaz dan ustazah yang bertauliah. Diperingkat awal pengenalan, para pelajar membaca dan


menghafal dihadapan penasihat untuk menyemak dan memperbetulkan tajwid dan sebutan makhraj. Seiring dengan perkembangan teknologi dan penggunaan telefon pintar, model i-Tasmi' Tahfiz telah diperkenalkan oleh penyelidik. Model i-Tasmi' dibangunkan untuk merekod sesi bacaan tasmi' para pelajar.

Objektif kajian ini ialah untuk menjelaskan persepsi pelajar terhadap penggunaan i-Tasmi' dan korelasi penggunaan i-Tasmi' Tahfiz terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) pelajar universiti.

2. Model i-Tasmi' Dan Pembangunan Sistem Aplikasi i-Tasmi'

Selari dengan perkembangan revolusi 4IR dan kini menuju kearah 5IR, model i-Tasmi' dibangunkan untuk merekod sesi bacaan tasmi' para pelajar yang mengikuti program khas yang dikenali sebagai Tasmi' Tahfiz Al-Quran di UiTM Terengganu. Maklumat pelajar yang terlibat akan dikemaskini dalam pengkalan data i-Tasmi' mengikut sesi akademik semasa. Pelajar menggunakan telefon pintar mereka untuk log masuk sistem ini dan memulakan sesi tasmi' masing-masing mengikut keselesaan dan kesesuaian waktu pelajar. Selesai bertasmi', pelajar akan menamatkan sesi dan merekodkan surah dan ayat yang dibaca sepanjang sesi tersebut. Sistem ini merekod semua sesi bacaan dan dikira jumlah masa yang diperuntukan untuk bertasmi'. Oleh itu, rekod tasmi' pelajar dapat dipantau oleh penasihat secara dalam talian menggunakan sistem ini.

Diagram 1
Manual i-Tasmi' melalui telefon pintar



Sistem ini menyimpan maklumat pelajar seperti nama, nombor pelajar, alamat dan nombor telefon. Proses dimulakan dengan log masuk menggunakan nombor pelajar. Pelajar akan memilih ayat dalam surah dan memulakan sesi hafazan. Kemudian pelajar akan memilih surah yang spesifik untuk merekod hafazan dan log keluar setelah selesai proses hafazan. Sistem ini membenarkan pelajar untuk memilih semula surah hafazan dan mereka juga boleh mendengar semula bacaan sehingga berpuas hati sebelum merekod bacaan tersebut. Para penasihat boleh menyemak bacaan pelajar secara berkala dimana sahaja dan pada bila-bila masa. Menurut Azmil (2015), dalam proses pengajaran, pensyarah perlu merekod kemajuan pelajar dalam buku rekod untuk memantau dan menilai peringkat hafazan supaya pelajar boleh menghafal dengan lebih baik dan berkesan. Mu'azah Md.Aziz et al. (2019) dalam kajiannya berpendapat aplikasi mudah alih merupakan salah satu kemudahan yang dapat membantu pelajar dalam proses menghafal al-Quran.

Justeru, penggunaan mekanisme i-Tasmi' memudahkan pelajar melakukan semakan dengan guru yang bertauliah dan dapat mengurangkan kebergantungan sesi pertemuan antara guru dan pelajar. Sistem dapat merekod surah al-Quran, jumlah sesi dan masa hafazan. Rekod tasmi' pelajar dapat dipantau oleh penasihat tasmi' secara dalam talian. Ini memudahkan para penasihat untuk memantau bacaan pelajar. Sistem perakam program i-Tasmi' merupakan yang pertama di UiTM, dipatenkan hakcipta dan

berdaftar dengan 'Resarch Innovation Business Unit'. Sistem i-Tasmi' ini telah mendapat perhatian diperingkat kebangsaan dan akan ditambahbaik untuk dikembangkan diperingkat antarabangsa. Model i-Tasmi' telah berjaya merangkul pingat emas dalam pertandingan *International Innovation, Invention and Design (IID)* pada tahun 2019 dan merangkul anugerah berlian dalam pertandingan *IID* pada tahun 2020.

Teknik PdP hafazan al-Quran terdiri daripada aspek penentuan kadar hafazan, teknik tiktir (mengulang), penggunaan mashaf khusus, penggunaan nada suara yang sederhana, membaca dengan kadar tadwir, menggunakan nada yang suara berirama dan sebagainya (Azmil & Misnan, 2014). Dari perspektif neurosains, hafazan al-Quran merupakan salah satu bentuk 'penghafalan' (memorization) yang melibatkan proses pembelajaran, membentuk ingatan, menyimpan ingatan, mengeluarkan kembali ingatan sebagai bukti kemampuan kognitif berpusat di otak manusia (Anis & Sabri 2017). Muhamad Toriq dan Abdul Razak (2017) menyatakan bahawa dalam melakukan hafazan al-Quran, para pelajar akan melalui beberapa peringkat iaitu peringkat perolehan, peringkat pengekatan dan peringkat memulihkan kembali. Pada peringkat yang pertama, para pelajar perlu memberi perhatian kepada ransangan dengan mengekodnya ke dalam ingatan, peringkat pengekatan pula ialah proses maklumat tersebut manakala peringkat perolehan kembali iaitu proses mengeluarkan maklumat tersebut daripada simpanan apabila diperlukan. Teknik, kaedah dan proses ini telah diaplikasikan oleh penyelidik dalam pembentukan model i-Tasmi seterusnya dijadikan sebagai komponen dalam i-Tasmi'.

3. Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif, penyelidik menggunakan kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif. Menurut Newman (2000), kajian yang menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif memberi hasil yang terbaik kerana saling melengkapi. Maklum balas responden didapati daripada pemerhatian oleh para penasihat tahfiz dan penilaian menggunakan borang soal selidik mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A untuk mendapatkan maklumat profil responden dan bahagian B mengandungi soalan berskala linkert bertujuan mengetahui persepsi, kepentingan dan pandangan responden terhadap elemen kajian.

Temubual secara mendalam dijalankan dalam beberapa sesi mengikut kelapangan responden. Temu bual dengan soalan berangka dilakukan ke atas beberapa orang pelajar yang terlibat dalam hafazan bagi melihat fenomena sebenar yang dilalui oleh mereka khususnya apabila terlibat dalam penglibatan menghafal dan memperdengarkan semula al-Quran (tasmi'). Justeru persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan, yakni pemilihan responden berdasarkan tiga ciri utama iaitu tahap umur, tempoh menghafal al-Quran serta kesediaan responden memberikan maklumat yang diperlukan. Bilangan sampel kajian seramai 18 orang dan pengumpulan data dihentikan apabila data yang diperolehi telah mencapai tahap tepu

(Creswell, 2005). Bilangan peserta dalam kajian ini ialah seramai 18 orang, dikira mencukupi untuk tujuan kajian kes yang berbentuk kualitatif. Mohd Yusof et al. (2014) dalam kajiannya menyatakan bahawa bilangan peserta kajian kes iaitu 8 orang dikira memadai untuk tujuan kajian kes berbentuk kualitatif. Pemilihan responden juga adalah berdasarkan kerelaan dan kesanggupan dalam melibatkan diri dalam kajian ini. Mereka memenuhi kriteria yang terlibat dalam program hafazan untuk dipilih sebagai responden.

Kajian ini merupakan kajian rintis dengan kaedah kuantitatif. Pemilihan sampel ini berasaskan cadangan Isaac dan Micheal (1995) yang mencadangkan bilangan 10 hingga 30 adalah mencukupi untuk kajian rintis. Kajian rintis temu bual telah dilakukan bagi membantu penyelidik mengumpul data seperti melakukan pengubahsuaian item-item mengikut komen yang diberikan oleh responden, menentukan jenis yang diperlukan dan proses yang perlu diikuti semasa mengumpul data. Tambahan pula, hanya 18 orang pelajar yang paling layak sebagai responden kerana mereka telah terlibat dalam program Tasmi' Tahfiz Al-Quran dan menepati kriteria untuk memberi maklumat yang diperlukan oleh penyelidik.

Penyelidik menjaga kerahsiaan responden dengan menggunakan kod resp#1 hingga resp#18 sebagai ganti nama peserta kajian. Soalan temubual dibina dalam bentuk semi struktur berdasarkan pengalaman responden menghafal al-Quran. Dapatan diklasifikasikan mengikut ciri-ciri yang ditetapkan meliputi latar belakang responden, persepsi awal terhadap kaedah menghafal al-Quran, faktor mendorong untuk menghafal al-Quran, pengalaman terlibat dalam menghafal al-Quran, keprihatinan dan sikap pelajar.

Bagi mendapatkan maklum balas yang berkaitan penggunaan kaedah i-Tasmi' dalam menghafal al-Quran, borang soal selidik yang mengandungi 11 item ini dikemukakan kepada 18 pelajar yang melibatkan diri dengan kelas pengajian Program Tasmi' Tahfiz Al-Quran di UiTM Terengganu Kampus Dungun. Ujian rintis telah dilaksanakan bagi mengukur tahap validiti dan realibiliti soalan yang dikemukakan.

Dapatan kajian menunjukkan tahap kebolehpercayaan terhadap soalan-soalan yang dikemukakan adalah tinggi apabila Cronbach's Alpha menunjukkan 0.889. Mohd Najib (2003) menyatakan bahawa tahap Cronbach's Alpha = 0.71 – 0.90 merupakan tahap kebolehpercayaan yang kuat (71% - 90%). Para pelajar diminta untuk memilih salah satu daripada 5 pilihan jawapan yang diberikan iaitu Sangat Rendah (SR), Rendah (R), Sederhana (S) Tinggi (T) dan Sangat Tinggi (ST). Analisis secara deskriptif dilakukan dengan menggunakan kaedah min dan peratus dengan menggunakan skala likert 5 mata. Selanjutnya, jawapan yang diberikan oleh responden diukur dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 22. Skor min dibahagikan kepada 3 tahap, memberi petunjuk bahawa 1.00 hingga 2.39 adalah rendah, 2.40 hingga 3.79 adalah sederhana dan 3.80 hingga 5.00 adalah Tinggi.

Bagi memperoleh data yang lebih terperinci dan fokus, temubual juga dilakukan ke atas 10 orang pelajar. Justeru, penyelidik mampu memperoleh maklumat luar jangkaan melalui respon tingkah laku peserta kajian. Soalan-soalan dibina berasaskan tema yang telah dikenal pasti dengan senarai soalan ini menjadi panduan semasa proses temu bual dijalankan. Menurut kajian yang menggunakan reka bentuk sebegini boleh memberikan gambaran, informasi, penjelasan, persepsi dan pemahaman yang mendalam bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dibentuk (Mohd Yusof, 2014).

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan.

Hasil kajian yang lepas mendapati wujudnya korelasi pembudayaan menghafal al-Quran dengan kualiti pencapaian akademik pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Muhaidi (2010) mendapati kecemerlangan pelajar dalam akademik dan sahsiah ada hubungkait dengan metod yang digunakan oleh pengajian tahfiz. Azmil dan Abd Halim (2012) menyatakan keberkesanan pengajaran tasmi' tahfiz ke atas 212 pelajar berada pada tahap yang tinggi. Beliau menyarankan agar kaedah PdP tasmi' tahfiz perlu diberi perhatian oleh pensyarah dan pelajar. Salasiah et al. (2012) merumuskan bahawa kaedah hafazan al-Quran menjadi satu faktor yang dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar yang beragama Islam. Kelemahan pelajar dalam al-Quran boleh diatasi dengan kaedah-kaedah menghafal yang lebih strategik dalam PdP.

Kajian oleh Anis dan Sabri (2017) pula mendapati bahawa menghafal al-Quran dapat memberi ketenangan kepada pelajar, mengurangkan tekanan perasaan dan secara tidak langsung telah meningkatkan fokus dalam pelajaran. Mereka lebih fokus, berdisiplin dan pencapaian akademik yang lebih baik. Malah majoriti pelajar bersetuju dengan min (3.43) menyatakan semakin banyak juzuk al-Quran yang dihafaz, semakin kuat daya ingatannya dan lebih fokus ketika mengulangkaji pelajaran. Safar (2017) dalam kajiannya mendapati pelajar yang menghafal al-Quran menggunakan aplikasi khusus lebih mudah berbanding menghafal dengan teknik dan cara tradisonal iaitu pengulangan membaca ayat al-Quran menggunakan mushaf Quran.

Penggunaan telefon pintar yang meluas dengan pelbagai aplikasi android yang boleh diakses dengan mudah juga memberi ruang kepada pelajar untuk menggunakan teknologi ini dalam proses mendengar dan menghafal al-Quran. Menurut Abdul Qadir dan Muhammad (2020), aplikasi digital boleh membantu pelajar kerana boleh dicapai pada bila-bila masa dan dimana sahaja. Ia juga memberi manfaat kepada pelajar sama ada mereka pandai berbahasa Arab atau tidak.

Zawawi Ismail (2017) menyatakan proses hafazan akan lebih efektif dengan persiapan rohani dan persediaan mental. Teknik persediaan menghafal, proses semasa menghafal dan semak semula hafazan perlu dikuasai dengan mahir. Menghafaz memerlukan kesabaran dan disiplin yang tinggi. Teknik hafazan dimulakan dengan membaca dan hafazan secara individu, memperdengarkan bacaan dihadapan rakan-

rakan dan menghafal dihadapan guru untuk memastikan tajwid dan sebutan makhraj adalah betul (Mu'azah et al. 2019).

Dalam kajian ini, responden terdiri daripada 10 orang pelajar lelaki dan 8 orang pelajar perempuan. Majoriti pelajar adalah dari sekolah menengah agama iaitu seramai 12 orang, manakala bakinya dari sekolah menengah kebangsaan. 44.4 % (8 orang) telah terlibat dalam hafazan al-Quran selama satu tahun, hanya seorang sahaja atau 5.6% yang terlibat dalam tempoh 2-3 tahun. Jumlah terbesar ialah 50% daripada pelajar yang terlibat hafazan al-Quran lebih dari 3 tahun. Soalan yang dikemukakan bertujuan melihat tahap pengetahuan, mekanisme hafazan, sikap dan persepsi pelajar terhadap pelaksanaan i- Tasmi'.

4.1 Tahap Pengetahuan

Jadual 1: Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Kaedah Menghafal al-Quran

Bi l	Soalan	Min	Sisihan Piawai (s.p)
1	Saya dapat menyebut huruf al-Quran dengan lancar	4.28	0.57
2	Saya mengetahui kaedah khusus melakukan hafazan al-Quran	3.83	0.79
3	Saya mengetahui cara penggunaan i- Tasmi' dengan baik	3.33	1.24

Responden diuji dengan tahap pengetahuan terhadap sebutan huruf-huruf al-Quran. Ternyata, berdasarkan jadual 1 di atas, hasil dapatan min 4.28 dengan sisihan piawai (s.p) 0.57 menunjukkan para pelajar mampu menyebut huruf-huruf al-Quran dengan lancar. Begitu juga dengan soalan tahap pengetahuan pelajar terhadap kaedah yang khusus dalam menghafal al-Quran. Hasil dapatan menunjukkan min 3.83 (s.p 0.79) menunjukkan ia masih berada pada tahap yang tinggi. Biarpun begitu, tahap pengetahuan pelajar dalam menggunakan i-Tasmi' masih berada pada tahap sederhana apabila min yang diperolehi 3.33 (s.p 1.24).

Sememangnya para pelajar perlu meluangkan masa untuk melakukan hafazan dan tasmi' al-Quran. Temu bual khusus telah dilakukan kepada para pelajar bagi melihat sejauhmana penglibatan mereka dalam hafazan al-Quran membebaskan pembelajaran akademiknya. Responden 8 menjelaskan sebagaimana berikut:

“Jumlah hafazan yang banyak tidak membebaskan pelajar jika seseorang pelajar menjadikan bacaan ayat al-Quran sebagai rutin hariannya dan pelajar masih boleh menumpukan perhatian terhadap akademik mereka seperti biasa” (Resp 8).

Bagi mengelakkan apa-apa kemungkinan yang tidak diinginkan, pelajar membahagikan masa sebaiknya dalam memberi tumpuan antara waktu hafazan dan akademik. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Ia tidak membebankan dan saya perlu bahagikan masa sebaiknya untuk menghafal dan belajar akademik (Resp 6)”.

Bahkan pelajar memanfaatkan kelaziman menghafal al-Quran sebagai titik tolak untuk memperolehi keberkatan dalam belajar. Sebagai contoh, resp 2 di bawah seringkali menjadikan ayat al-Quran sebagai panduan, motivasi dan doa dalam memulakan pembelajaran. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Mengulang merupakan satu kebiasaan para huffaz, ianya tidak menjejaskan pelajaran malahan menjadi panduan dan doa (Resp 2)”.

Dari sudut yang lain, pelajar melihat berdampingan dengan al-Quran merupakan satu proses pemurnian jiwa dan sekaligus memberi impak yang besar dalam memahami dan melakukan setiap amal perbuatan. Ini dinyatakan sebagaimana berikut:

“Tidak membebankan, apabila sentiasa berdamping dengan al-Quran, kotoran- kotoran akan tertanggal, InsyaAllah ilmu akan lebih mudah untuk masuk (Resp 1)”.

4.2 Sikap

Jadual 2: Sikap Pelajar Dalam Menggunakan Kaedah i-Tasmi'

Bil	Soalan	Min	Sisihan Piawai (s.p)
1	Saya lebih bersemangat untuk menghafal al-Quran	3.89	1.23
2	Saya boleh menggunakan i- Tasmi' di mana-mana	4.39	0.98

Selanjutnya, responden ditanya tentang sikap terhadap penggunaan kaedah i-Tasmi' Tahfiz dalam menghafal al-Quran. Berdasarkan jadual 2, hasil dapatan menunjukkan para pelajar merasa lebih bersemangat untuk menghafal al-Quran menggunakan i-Tasmi'. Ini dibuktikan apabila mata min yang diperolehi 3.89 dengan s.p (1.23). Sekaligus menunjukkan darjah persetujuan yang diberikan oleh pelajar adalah tinggi. Salah satu kelebihan i-Tasmi' ialah para pelajar boleh menggunakannya di mana-mana dan pada bila-bila masa (Abdul Qadir dan Muhammad, 2020). Ini diakui apabila hasil dapatan min yang diperolehi adalah tinggi iaitu 4.39 mata dengan s.p (0.98). Kesenambungan semangat yang tinggi bukan sahaja dalam menghafal al-Quran, malah ia memberi impak yang cukup tinggi dalam pembelajaran akademik seharian mereka. Jawapan dari temubual ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Dengan menghafal al-Quran membuatkan saya menjadi lebih bersemangat dan tidak mudah untuk berputus asa dalam membuat satu perkara (Resp 9)”.

Resp 4 pula mengakui bahawa hafazan al-Quran mampu meningkatkan tahap ingatannya dalam mengharungi pembelajaran akademik. Ini dinyatakan sebagaimana berikut:

“Dengan menghafal al-Quran, ianya dapat meningkatkan daya ingatan dan tumpuan saya terhadap bidang akademik (Resp 4)”.

Ini jugalah yang diaplikasikan oleh oleh Resp 5:

“Pelajar boleh mengaplikasikan hafalan di dalam pelajaran (Resp 5)”

Dapatan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Muhaidi (2010) dan Salasiah et al. (2012) yang menyatakan kecemerlangan pelajar dalam akademik dan sahsiah ada hubungkait dengan metod yang digunakan oleh pengajian tahfiz. Ternyata, menghafal al-Quran dapat memberi ketenangan kepada pelajar, mengurangkan tekanan perasaan dan secara tidak langsung telah meningkatkan fokus dalam bidang akademik pelajar seperti kajian terdahulu.

4.3 Persepsi Pelajar Terhadap i- Tasmi'

Jadual 3: Persepsi Pelajar Dalam Menggunakan i-Tasmi'

Bil	Soalan	Min	Sisihan Piawai (s.p)
1	Penggunaan i-Tasmi' tidak membosankan	4.11	1.32
2	Penggunaan i-Tasmi' memudahkan menghafal al-Quran	4.11	1.02
3	Penggunaan i-Tasmi' menjimatkan masa saya	4.06	0.80
4	Saya dapat melakukan semakan al-Quran dengan baik	4.11	0.76
5	Penggunaan i-Tasmi' wajar digunakan untuk pelajar yang menghafal al-Quran	4.22	0.73
6	i-Tasmi perlu dikemaskini dan ditambah baik	4.39	0.85

Berdasarkan jadual 3 di atas, hasil dapatan menunjukkan persepsi para pelajar terhadap mekanisme penggunaan i-Tasmi' dalam menghafal al-Quran adalah tidak membosankan. Min yang diperolehi 4.11 mata dengan s.p (1.32) menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Bahkan kaedah ini memudahkan para pelajar melakukan hafalan al-Quran. Mata min 4.11 dengan s.p (1.02) juga menunjukkan ia

berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga, majoriti pelajar merasakan penggunaan i-Tasmi' mampu menjimatkan masa pelajar. Ini dibuktikan apabila min yang diperolehi 4.06 dengan s.p (0.80). Selain itu, para pelajar dapat menyemak hafazan masing-masing dengan baik dan berkesan. Perolehan min 4.11 dengan s.p (0.76) menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Para pelajar mengakui bahawa penggunaan i-Tasmi' wajar diperluaskan penggunaannya khususnya kepada silibus yang memerlukan kepada hafazan al-Quran. Mata min 4.22 dengan s.p (0.73) menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Walaupun hasil dapatan menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi, responden merasakan pelaksanaan i-Tasmi' perlu dilakukan penambahbaikan. Ini dinyatakan apabila min yang diperolehi 4.39 dengan s.p (0.85).

Bagi memperolehi jawapan yang lebih mendalam, pelajar ditanya secara temu bual impak penggunaan i-Tasmi' dalam hafazan al-Quran. Resp 1 menyatakan bahawa walau apapun mekanisme yang digunakan dalam menghafal al-Quran, membiasakan diri dengan menghafal al-Quran menjadikan seseorang itu lebih mudah mengingati sesuatu. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Dengan menghafal al-Quran ingatan saya menjadi semakin tajam dan mudah untuk mengingati sesuatu perkara. Ia juga tidak membebankan saya kerana saya hanya akan mengulanginya apabila ada masa yang terluang” (Resp 1).

Pelajar yang lain mengakui bahawa kecemerlangan akademiknya lebih terserlah setelah terlibat dalam program hafazan al-Quran di kampus. Beliau menyatakan sebagaimana berikut:

“Kejayaan dan kecemerlangan dalam akademik lebih terserlah selepas saya menyertai program hafazan al-Quran. Perubahan dalam diri menjadi ketara selepas mengamalkan ayat suci al-Quran dan meletakkannya didalam hati (Resp 7)”

Apa yang pasti, dalam menggunakan kaedah i-Tasmi', pelajar berpandangan bahawa bimbingan dari guru yang bertauliah tidak boleh diketepikan. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Menghafaz ayat al-Quran tidak membebankan. Tetapi, pelajar perlu bimbingan yang khusus daripada mereka yang bertauliah. Sebagai contohnya, setiap hari Jumaat pelajar berjumpa dengan guru masing-masing untuk memperbetulkan dan menghafal ayat tersebut (Resp 10)”.

Jadual 4: Ringkasan maklum balas pelajar yang menggunakan i-Tasmi'

Responden	Kesan penggunaan i-Tasmi'
-----------	---------------------------

1	Dengan menghafal al-Quran, daya ingatan bertambah kuat dan
---	--

pembelajaran juga lebih fokus dan mudah menghafal matapelajaran kuliah. Sistem ini tidak membebankan pelajar kerana dapat ulangkaji membaca al-Quran pada bila-bila masa.

2	Menghafal al-Quran memudahkan pelajar membahagikan masa dan menggunakan masa berkualiti.
3	Menghafal al-Quran sebagai panduan dan motivasi
4	Tidak membebankan pelajar kerana keikhlasan akan datang sendiri
5	Pelajar boleh menggunakan teknik hafalan dalam bidang akademik.
6	Ia tidak membebankan kerana pelajar dapat membahagikan masa untuk belajar dan untuk menghafal al-Quran.
7	Selepas aktif dalam program hafalan al-Quran, sistem ini dapat bantu untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik
8	Sistem ini menjadi rutin harian untuk menghafal al-Quran dan lebih fokus dalam bidang akademik.
9	Menghafal al-Quran menjadikan pelajar lebih efisien dan tidak mudah putus asa dalam membuat sesuatu terutama dalam akademik.
10	Amat membantu pelajar tetapi perlu ada pemerhatian daripada penasihat sekurang-kurangnya seminggu sekali.

Dapatan ini menyokong kajian Azmil et al. (2014) bahawa sikap dan tingkahlaku pelajar berkait rapat dengan kejayaan mereka menghafal al-Quran. Pencapaian akademik mereka juga cemerlang seperti kenyataan oleh Muhaidi (2010) dan Nazia (2015). Menghafal al-Quran juga dapat memberi ketenangan kepada pelajar, mengurangkan tekanan perasaan dan secara tidak langsung telah meningkatkan fokus dalam pelajaran (Anis dan Sabri, 2017)

5. Kesimpulan

Pada masa ini, tidak dinafikan bahawa telefon pintar merupakan satu keperluan. Apabila kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak COVID-19, proses PdP dijalankan secara dalam talian. Secara tidak langsung sistem i-Tasmi' membantu pelajar dalam menghafal al-Quran. Daripada kajian ini, pelajar-pelajar yang terlibat dalam i-Tasmi' Tahfiz didapati lebih mudah mengingati matapelajaran, pembentukan karektor yang berkarisma dan

memperolehi pencapaian yang cemerlang dalam akademik. Ini menunjukkan i-Tasmi' boleh diaplikasi kepada para pelajar dalam pelbagai bidang diperingkat universiti dan sekaligus dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik dan ko-kurikulum serta bergraduasi dalam masa yang ditetapkan (GOT).

Berdasarkan perbincangan di atas dapat dinyatakan bahawa sistem ini banyak membantu pelajar bertasmi' mengikut keselesaan dan kesesuaian waktu pelajar. Aplikasi perakam program i-Tasmi' merupakan yang pertama di UiTM, dipatenkan hakcipta dan berdaftar dengan 'Research Innovation Business Unit' dan telah mendapat perhatian di peringkat kebangsaan. Inovasi ini perlu ditambahbaik untuk dikembangkan diperingkat antarabangsa. Oleh itu, suatu usaha perlu untuk menjadikan i-Tasmi' satu aplikasi yang mudah di akses dan digunakan oleh pelajar. Aplikasi i-Tasmi' berpotensi untuk mendapatkan perlindungan harta intelek di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Penghargaan

Kajian dan penyelidikan ini adalah dibawah dana Research Collaboration Fund (RCF) 2020 [600-UITMCTKD (PJVRMU 5/2/1)/ RCF2020-SS (7/2020)]. Penyelidik mengucapkan ribuan terima kasih kepada UiTM Cawangan Terengganu dan semua pihak yang terlibat atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

Abdul Qadir, B. & Muhammad F. (2020). Memorization of Quran through Mobile Application in the ERA of Transformative Marketing. *Pakistan Journal of Social Sciences*, 40(2), 689-698.

Anis, S. F. & Sabri, M. (2017). Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal al-Turath*, 2(2), 54-59.

Azmil H. (2015). Correlation between Strategy of Tahfiz Learning Styles and Students Performance in Al-Qur'an Memorization (Hifz). *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(2), 85-92.

Azmil, H., Ab. Halim, T. & Mohd Aderi, C. N. (2014). The Relationships between Etiquettes of Tahfiz (Memorization al-Quran) and Tahfiz Achievement. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 8(23), 212-218.

Azmil, H. & Abd. Halim, T. (2014). Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 1-10.

Azmil, H. & Misnan, J. (2014). Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Tahfiz Dengan Pencapaian Hafazan al-Quran: Kajian di Zon Tengah. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim, Perak. *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah*, 1(1), 9-16.

Creswell, J. (2005). *Educational Reserch – Planning, Conducting and Evaluate Quantitative and Qualitative* (2nd Ed), University of Nebraska, Lincoln: Pearson Education International.

Isaac, S., & Micheal, W.B. (1995). *Handbook in research and evaluation*, San Dieago, CA: Educational and Industrial Testing Services.

Mohd Yusof, H., Ramlee, M., Syed A. Malik, S. M. & Seri Bunian, M. (2014). "Persepsi Pensyarah Kejuruteraan Terhadap Tahap Kemahiran Employability Pelajar Kejuruteraan Institusi Teknikal: Satu Kajian Kes. *International Seminar on Technical and Vocational Education 2014*, 159-182.

Mu'azah, M. A., Wan Mahani, A., Ainul Maulid, A., Mohd. Aswad, A. M., Muhammad Shahrizan, S. (2019). Comparison between Conventional Method and Modern Technology in Al-Qur'an Memorization. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)* 8(1), 289-294.

Muhaidi, M. (2010). Hafazan al-Quran dan hubungannya dengan kecemerlangan pelajar: kajian di Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulau Chondong, Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007 (*Doctoral dissertation*, Jabatan al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Muhammad Toriq, Y. & Abdul Razak, M. Z. (2017). Perkembangan Tahfiz al-Quran: Suatu Kajian Di Darul Quran. <https://www.coursehero.com/file/88633508/LAPORAN-KAJIAN-Perkembangan-Tahfiz-al-Quran-Suatu-Kajian-di-DQpdf/> www.darulquran.gov.my/xs/dl. /php.23 May 2019.

Nazia, N. & Syeda Farhana, J. (2015). Effects of Memorizing Quran by Heart (Hifz) On Later Academic Achievement. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 3(1), 58-64.

Newman, W. L. (2000). *Social Research Method. Qualitative and Quantitative Approaches*. USA: Pearson

Safar, B. A. (2017). Quran Memorization Using Mobile App, *American Journal of Education Research*, 5(6), 620-622.

Salasiah, H. H., Ermy, A. R., Rosmawati, M. R. & Zainab, I. (2012). The Relationship Between Spiritual Practice and Student's Academic Performance. *Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*, 4(2), 51–60. doi: 10.1073/pnas.070399310 <http://www.utusan.com.my/pendidikan/lepasan-sekolah-tahfiz-ke-uitm-1.639402#ixzzbKJ725qf>. <http://acis.uitm.edu.my/v1/index.php/home/latest-info/174-program-plus-tahfiz> . 1.1.2019

Zawawi, I. (2017) Developing an effective Quran Memorization Technique Using Fuzzy Delphi Method, *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 7(1), 10-15.

JAWATANKUASA JURNAL PENGAJIAN ISLAM

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
<http://journal.kuis.edu.my/e-jurnal-pengajian-islam/>